

TARIKH	SELASA, 19 NOVEMBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MOSTI TELITI BANGUNKAN LLM VERSI BAHASA MELAYU
M/S	7
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

BH Selasa, 19 November 2024 Nasional 7

Sidang Dewan Rakyat

MOSTI teliti bangunkan LLM versi bahasa Melayu

Langkah sokong AI lebih fahami bahasa, budaya tempatan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang meneliti keperluan untuk membangunkan Model Bahasa Besar (LLM) dalam versi bahasa Melayu, sekali gus menyokong ekosistem kecerdasan buatan (AI) dalam memahami bahasa serta budaya tempatan dengan lebih mendalam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Mohammad Yusof Apdal, berkata LLM berkenaan selaku model generatif AI yang dilatih untuk memahami dan menghasilkan bahasa manusia mengikut nilai dan budaya setempat dihasilkan dengan kerjasama universiti dan syarikat tempatan, antaranya Mesolitica Sdn Bhd (Mesolitica).

Katanya, Mesolitica mempunyai pengalaman membangunkan LLM mereka sendiri yang dipanggil Malaysia Large Language Model (MaLLaM).

Katanya, ia dihasilkan sepenuhnya dengan menggunakan set data tempatan selain memiliki keupayaan untuk memahami bahasa serta budaya tempatan dengan lebih mendalam.

"MIMOS (Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Gunaan Malaysia) sebuah agensi MOSTI dengan Mesolitica bekerjasama untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan model ini.

"Kerjasama ini akan turut membabitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada masa depan bagi memperkaya bahasa Malaysia," katanya Ketika sesi jawapan lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Lee Chean Chung (PH-Petaling Jaya) mengenai adakah MOSTI akan bekerjasama dengan DBP untuk memastikan pembangunan LLM seiring dengan usaha memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan.

Mengulas lanjut, Mohamad Yusof berkata, pembangunan LLM akan menyokong ekosistem AI tempatan dan mengurangkan ketergantungan kepada teknologi AI dari luar negara.

Penuhi keperluan

Beliau menjelaskan kewujudan model itu nanti dapat meningkatkan proses membuat keputusan, automasi tugas dan memudahkan penyelidikan dalam pelbagai sektor dengan menyesuaikan pengetahuan AI global kepada bahasa serta keperluan tempatan.

Tambahnya, pembangunan LLM atau model AI sememangnya melibatkan kos amat tinggi selain memerlukan peralatan khusus kerana selalu dilaksanakan di pusat pengkomputeran berprestasi tinggi (HPC) berasaskan awan.

"Kos pelaburan perkakasan di peringkat awan boleh dikurangkan dengan menggunakan perkhidmatan dari penyedia perkhidmatan awan seperti Microsoft Azure, OpenAI dan Amazon Web Services (AWS)," katanya.

Beliau berkata, ada kebimbangan berkenaan keselamatan data kerana akan disimpan di luar negara sekiranya menggunakan perkhidmatan awan, sekali gus menimbulkan risiko kebocoran data sulit.

Untuk menangani isu itu, katanya MIMOS sedang meneroka penggunaan infrastruktur pengkomputeran dengan kos kompetitif yang mampu mengendali dan memperhalusi data hak milik dengan selamat.

Mohammad Yusof Apdal,
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Kerjasama ini akan turut membabitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada masa depan bagi memperkaya bahasa Malaysia

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--